

18/02/2004

Jaring@TMNet matangkan Internet negara

TEKA TEKI siapa yang akan ambil kuasa siapa; siapa yang akan kena tendang dan siapa yang akan duduk di kerusi empuk dalam isu yang membabitkan penggabungan Jaring dan TMNet masih lagi menjadi satu tanda tanya besar di kalangan masyarakat negara ini, khususnya pengguna Internet.

Sehingga Khamis lalu, dalam sesi soal jawab antara Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dengan media tempatan di Cyberjaya, jawapan muktamad masih lagi belum dapat huraikan sepenuhnya.

Apa yang dapat diberikan oleh Leo Moggie untuk menyelamatkan keadaan ialah dengan menyatakan belum ada kata putus yang dihasilkan masa kini kerana ia isu berkaitan dengan pemegang saham dan sehingga kini belum ada pertemuan serta perbincangan rasmi antara kedua-dua pihak.

Sebelum ini, mengikut laporan akhbar tempatan (2 Oktober 2003) menyatakan Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) sudah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan bagi memulakan pengambilalihan Jaring.

Dikatakan proses rundingan akan dimulakan sebaik saja kelulusan diperoleh dan bayangan diberikan kemungkinan Telekom Malaysia membeli kepentingan dalam Jaring.

Namun dikatakan, kedua-dua pihak masih mencari satu formula yang strategik bagi melaksanakan cadangan pengambilalihan itu.

Sudah lebih tiga bulan isu penggabungan itu diumumkan dalam belanjawan lalu, namun sehingga kini belum terdapat kata putus yang bakal menyaksikan siapakah yang akan menerajui sektor Internet negara.

Kerancangan penggunaan Internet negara dengan isu penggabungan ini menunjukkan kematangan negara dalam industri teknologi maklumat (IT). Daripada keadaan sifar kepada kira-kira lima juta individu, beribu-ribu perniagaan, pelbagai agensi kerajaan dan organisasi kebajikan kini memanfaatkan Internet di negara ini selepas kira-kira 11 tahun kerajaan memperkenalkan Internet di Malaysia.

Kedua-dua organisasi itu kini dikatakan terikat dengan kata putus daripada pemegang saham utamanya yang semuanya membabitkan pihak kerajaan dan kelambatan membuat keputusan ini `mensensasikan' lagi isu berkenaan.

Pada acara di Cyberjaya itu juga, ditanya sama ada usaha penggabungan ini akan direalisasikan, Leo Moggie berkata, sama ada ia akan berlaku atau sebaliknya, "kita akan tengok apa yang akan berlaku sebab semuanya di tangan pemegang saham."

Beliau berkata, kemungkinan lambatnya keputusan penggabungan itu mungkin disebabkan pihak pengurusan kedua-dua pihak sedang mengatur perancangan strategik untuk memungkinkan satu penggabungan yang jitu.

Sepatutnya, selepas Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Muhammad mengumumkan penggabungan berkenaan, pihak terbabit harus mula menjalankan tugas yang perlu untuk menampakkan bayangan apa yang akan berlaku selepas penggabungan ini.

Isu kejayaan penggabungan itu memungkinkan negara akan kehilangan Jaring, pembekal perkhidmatan Internet (ISP) negara yang paling `tua' di negara ini selain menjadi pengasas perkhidmatan Internet negara.

Satu senario yang ingin dan harus dielakkan hasil daripada penggabungan ini ialah cuba elakkan kehilangannya `Mr Internet' negara iaitu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Jaring, Dr Mohamed Awang Lah, individu di belakang tabir yang melihat penyediaan, pelancaran dan pembangunan Internet selama 20 tahun.

Walaupun nampak tidak mustahil untuk berlaku dalam dunia sekarang ini, ia boleh dianggap sebagai satu kehilangan sekiranya pihak berkenaan bertindak `memindahkan' Dr Mohamed daripada arena Internet negara.

Bagaimanapun, dijangkakan Dr Mohamed akan terus dikekalkan untuk menjadi `dalang' penting yang bakal memainkan peranan utama untuk memacu industri Internet negara berdasarkan kepada pengalaman serta kepakarannya.

Isu penggabungan Jaring, TMNet sebenarnya dikatakan muncul kira-kira dua tahun lalu apabila dikatakan Telekom Malaysia (Telekom) bercadang mengambil alih Jaring untuk menjadi pembekal perkhidmatan Internet (ISP) paling utama di Malaysia. Ketika itu, langkah berkenaan dipercayai dilakukan kerana Telekom ingin menguasai senario ISP tempatan.

Cadangan untuk membeli Jaring itu dilaporkan oleh Telekom kepada BSKL dan sejak itu banyak pihak khususnya pengguna tidak bersetuju dengan langkah itu.

Namun begitu, pengambilalihan berkenaan bukanlah dianggap sebagai langkah monopoli kerana masih terdapat ISP lain yang beroperasi dan menjalankan perkhidmatan sama.

Namun sekiranya usaha penggabungan ini direalisasikan, sudut positif harus diberi keutamaan oleh semua pihak dengan melihat kepada perkhidmatan kerana dijangka mutu Internet negara mampu dipertingkatkan selain kos yang rendah.

Ini berdasarkan kepada perkongsian penggunaan prasarana IT selain turut menyaksikan jumlah asas pengguna yang besar khususnya dalam sektor Internet jalur lebar kerana pelanggan kedua-dua ISP ini akan menggunakan satu rangkaian Internet dengan caj lebih berdaya saing.

Melalui usaha penggabungan ini, penggunaan Internet negara dijangka dapat dilaksanakan dengan meluas kerana ia mampu mewujudkan caj rendah terutama dengan berkembangnya penggunaan perkhidmatan jalur lebar.

Masa depan Internet adalah kepada keupayaan dalam menyediakan perkhidmatan khususnya jalur lebar dan pihak yang berkuasa serta menjadi penyedia akhir untuk pejabat dan di rumah masa kini dimonopoli oleh Telekom yang sekali gus membuktikan Telekom bakal menjadi kuasa utama dalam isu penggabungan ini.

Apa yang pasti, penggabungan akan mewujudkan mutu perkhidmatan yang tinggi khususnya wujud sistem telekomunikasi termaju yang sudah tentu berupaya menjadi daya penarik penting kepada pelabur asing untuk membuat pelaburan atau bertapak di sini selain menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau atau hab teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).